

gaya hidup

TERLEPAS MEMBACA RUANGAN KESIHATAN & PERUBATAN?

Membangun rutin sihat 2024



IMBAS KOD QR UNTUK MEMBACA

REVIU


'Decadans' kembalikan nostalgia perjuangan tari anak S'pura

Kehadiran bintang M'sia, Ernie Zakrie, tambah seri konsert ulang tahun ke-10 Artistari Gentari

Impian satukan penggiat tari Melayu dorong pengasas Artistari Gentari pentas konsert



PERSEMBAHAN EMAS: Ernie Zakri menambak kesegaran pada konsert 'Decadans: Celebrating A Decade In Dance'. - Foto-foto BH oleh NUR DIYANA TAHÄ



BANYAK BELAJAR TENTANG PENERBITAN: Badarudin Hassan menimba ilmu kreativiti dan penerbitan sewaktu mementaskan konsert 'Decadans: Celebrating A Decade In Dance' di Teater Esplanade pada 30 Disember. - Foto DAN'S PIXEL-GRAPHY

HARYANI ISMAIL
haryani@sph.com.sg

ARTIS SINGAPURA BERBAKAT:

(Dari kiri) Hyrul Anuar, Suryana Norddin, Rahila Rashun dan Muhammad Nor Shafiq Ridzwan memberi penghormatan pada mahakarya Melayu yang pernah dihasilkan.



Ada masanya saya terasa bagaikan kembali kepada era nostalgia menonton program hiburan 1980-an yang memberi penghormatan pada lagu-lagu filem menerusi irama rumut bunyi (OST) yang dekat di hati mahupun tarian Melayu lemah gemalai.

Ada ketikanya saya dibawa menikmati vokal bakat tempatan kita yang sepatutnya diketengahkan lebih kerap lagi di kaca televisyen atau persembahan awam kerana mereka memiliki suara emas yang setara dengan mutu penyanyi di seberang Tambak.

Pendek kata, pengalaman berada di Teater Esplanade pada malam 30 Disember cukup menghiburkan, nostalgik dan pada masa yang sama membangkitkan harapan demi harapan cerah untuk seni tari tanah air berkembang pesat.

Persembahan *Decadans: Celebrating A Decade In Dance* yang meriahkan ulang tahun ke-10 kumpulan tarian setempat, Artistari Gentari, di bawah pimpinan aktivis seni, Badarudin Hassan, boleh disifatkan antara yang terbaik saya tonton sepanjang 2023.

Daripada segi estetika seni, tarian gemalai tetapi tangkas para penari kumpulan ini cukup memukau.

Daripada segi daya hiburan pula, saya seronok mendengar suara bakat setempat kita yang bukan calang-calang iaitu juara *Anugerah 2005*, Hyrul Anuar dan wakil Singapura ke pentas *Akademi Fantasia 2016* dan *Dangdut Akademi Asia* (DAA), Rahila Rashun, dengan tenaga mereka yang 'berjangkit' kepada penonton yang memberi tepukan gemuruh pada malam itu.

Dua lagi bakat yang mampu menyanyikan irama tradisional, OST ataupun lagu pop modern dengan begitu baik, Muhammad Nor Shafiq Ridzwan dan Suryana Norddin, boleh dianggap penyanyi *underrated* (kurang dinilai sewajarnya) yang sepatutnya kita ketengahkan lebih lagi di kaca televisyen ataupun pentas awam.

Ditambah dengan kehadiran dua pengacara yang selamba dan bersahaja serta serasi bercelet-berbata bersama, Hafidz Rahman dan Farhana M. Nor, *Decadans* menjadi lebih meriah dan ibarat konsert penutup tirai 2023 yang tidak dapat dilupakan.

Mereka saling 'membaham' dan interaktif bahkan membawa penonton memasuki sama zon dunia hiburan apabila memperkenalkan watak persis Datuk Seri Siti Nurhaliza dan Noraniza Idris, dua Ratu Lagu Irama Pop Etnik, yang dipasangkan dalam lagu *Hati Kama* dan *Dondang Dendang*.

Konsert terbahagi kepada tiga bahagian - kenangan pada lagu filem, terus gemilang pada hari ini dan harapan untuk masa depan.

Lagu yang sudah lama tidak kedengaran seperti *Sireh Pinang* dan *Kesuma Jawa* berkumandang. Cabaran dilontar buat Rahila yang akui dalam klip video di Instagram bahawa inama tradisional bukan kekuatannya.

Secara peribadi, saya sukakan gandingan Hyrul dan Nor Shafiq bagi lagu *Datuk Jamal Abdullah* dan *Datuk M. Nasir, Ghazal Untuk Rabiah*.

Dari perkongsian kisah beberapa penggiat Artistari Gentari yang sudah 10 tahun bersama-sama melihat kumpulan ini berkembang cukup menyentuh perasaan.

Konsert ini juga menampakkan seni Melayu sebagai penyatu apabila kumpulan gendang Nadi Singapura turut dilibatkan sama dalam persem-

bahan pada malam itu khususnya dalam mengiringi Ernie bagi lagu hit, *Ku Bersuara*.

Sambil lagu itu berkumandang dengan susunan baru, kita dapat melihat wajah-wajah jurutari ikonik seperti Som Said, Osman Hamid, Fauziah Hanom dan Fathurrahman Said dipaparkan.

La lambang bagaimana tarian itu menjadi wadah bersuara dan tidak mudah memperjuangkan seni tari Melayu dengan dunia dipukul badai seni moden yang mungkin lebih memikat generasi muda.

Siapa yang menduga artis Malaysia dapat dilibatkan sama dalam konsert budaya sebegini rupa.

Sebelum ini, kita pernah melihat arti 'nama besar' terlibat dalam konsert Orkestra Melayu Singapura (OMS).

Mengamati video ucapan Ernie, terharu mendengar kata-katanya yang bersyukur dapat melibatkan diri dalam acara penggiat seni Singapura, *Decadans*, untuk memartabatkan lagi seni tradisional Melayu.

Decadans cukup rencannya malahan turut memaparkan lagu tular 2023, *Lenak Manis* dan *Ikan Dalam Kolam*.

Moga kita dapat lihat lagi persembahan yang mengesankan daripada Artistari Gentari mahupun kumpulan lain pada masa akan datang.

Tembok stereotajp bahawa kumpulan tarian hanya papar seni tari atau taridra sahaja telah dapat dipecah dan ditembusi. Syabas!

Jerih payah mengharungi perjalanan seni selama sedekad sebagai pengasas kumpulan tarian, Artistari Gentari, telah dimasak pengarah artistiknya, Badarudin Hassan.

Suara hati dan harapannya tersingkap dalam konsert luar biasa, *Decadans: Celebrating A Decade In Dance*, yang berlangsung di Teater Esplanade pada 30 Disember.

Apakah yang membuatkan Badarudin dan rakan sekutunya, Hyrul Anuar, Aidil Akmal dan Hafidz Rahman, bertungkus lumus dalam mementaskan konsert tari yang turut diwarnai nyanyian merdu bakat setempat, Rahila Rashun, Hyrul, Muhammad Nor Shafiq Ridzwan dan Suryana Norddin serta penyanyi terkenal Malaysia, Ernie Zakri?

Ikuti wawancara *Berita Harian* (BH) bersamanya.

Soalan (S): Apakah perasaan anda dapat mementaskan acara ini?

Badarudin: Saya amat berbesar hati dan bangga diberi peluang membuat persembahan di Teater Esplanade yang gemilang.

Persembahan ini amat istimewa bagi saya kerana ia bukan sahaja bagi meriahkan ulang tahun Artistari Gentari yang ke-10 malah keupayaan kami menyatukan semula rakan dan artis yang pernah menjayakan pementasan Artistari Gentari selama sedekad.

La juga pentas meriahkan pelbagai seni Melayu di Singapura.

S: Apakah pula cabarannya?

Badarudin: Selama setahun, saya bekerjasama dengan Hyrul, Aidil dan Hafidz untuk menerbitkan secara bersama *Decadans*.

Salah satu cabaran ialah pemilihan lagu dan koreografi yang sesuai untuk pementasan ini.

Daripada 60 lagu, kami menyaringnya kepada 20 lagu untuk dijadikan medley lagu dan koreografi.

Sebanyak 100 peratus kos pementasan dibiayai sendiri. Justeru, kami berharap dapat meraih semula apa yang dilaburkan menerusi penjualan tiket.

Ucapan terima kasih buat penaja utama kami, Pop Motif Interior Pte Ltd, kerana tampil meringankan bebanan kos pementasan.

Mujur, masih ada lagi syarikat Melayu setempat yang bersikap dernawan dalam mengangkat seni Melayu setempat.

Kami sangat mengalu-alukan sokongan masyarakat Melayu setempat dalam menyokong acara ini. Harapan kami dapat mempertingkatkan mutu persembahan seni di Singapura.

S: Apakah paling bermakna dalam tempoh 10 tahun ini?

Badarudin: Saya rasa pementasan *Decadans* ini paling bermakna daripada segi mental dan fizikal.

Pementasan ini mengajar saya menjadi lebih matang dengan saya dapat berkolaborasi bersama segenap lapisan masyarakat.

La juga ibarat lebaran surat cinta kami di Artistari Gentari buat pengasas dan pelopor seni tari Melayu di Singapura seperti Som Said, Osman Hamid dan Fauziah Hanom.

Sekali gus, acara ini merupakan usaha mengembalikan sumbangan seni kami kepada masyarakat.

S: Bagaimana program hiburan seperti 'Berani Nyanyi?' bantu dalam merancang penerbitan 'Decadans'?

Badarudin: Banyak yang saya pelajari ketika menerbitkan program untuk Suria.

Saya menerangkan apa yang saya raih daripada Najip Ali, Fadilah Wahid, Nura Manaf dan Hanie Nadia selaku penerbit berpengalaman dalam mementaskan *Decadans*. Terima kasih kerana membimbing saya dalam menyuntik unsur kreativiti dan teknikal.

S: Apakah rancangan anda untuk Artistari Gentari bagi 2024?

Badarudin: Rancangan saya dan kumpulan tarian Artistari Gentari adalah dalam lebih memperkukus lagi seni tari kita dan sekali gus mencari lebih ramai penari muda untuk dicungkil lagi bakat mereka.

Kami ingin memberi lebih platform profesional bagi golongan remaja ini.

Jika ada rezeki dan kesempatan, kami juga ingin menganjurkan bengkel remaja dalam mempelajari lebih mendalam teknik tari Melayu dan penataan tarian.

S: Apakah yang disenangi tentang penghasilan artis Malaysia, Ernie Zakri, dalam 'Decadans'?

Badarudin: Ernie bukan sahaja mempunyai vokal yang mantap malah memiliki hati dan jiwa yang baik.

Saya jarang bekerjasama dengan artis terkemuka seperti yang dapat bertolak ansur dan menerima kesemua idea yang kami usulkan kepadanya.

Dari segi pemilihan lagu dan susunan muzik, beliau banyak memberi sokongan kepada pihak penerbitan kami.

Ernie juga ingin ikut serta dalam koreografi tarian yang dibuat!

Saya tabik dengan kesungguhan dan keinginan Ernie dalam memberi nilai tambah yang tinggi untuk pementasan *Decadans*. - HARYANI ISMAIL